

# GARISPANDU PENUBUHAN JAWATANKUASA HSSE (HSSE COMMITTEE)

---

## 1.0 TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk membantu para Pengetua dan Guru Besar dengan kerjasama *HSSE Representative* di sekolah-sekolah Kerajaan seluruh Negara bagi penubuhan HSSE Committee yang berperanan untuk menyediakan, menguatkuasakan, memantau dan mengemaskini dasar kesihatan dan keselamatan sekolah (HSSE Policy) dari masa kesemasa.

## 2.0 DEFINASI

Bagi memastikan konsistensi dalam menggunakan garispendu ini, disenaraikan di bawah perkataan-perkataan yang sering digunakan beserta definasi-definasi nya dalam konteks garispendu ini;

**Bahaya (Hazard):** *Apa jua benda, keadaan dan aktiviti yang berpotensi untuk mendatangkan kecederaan.*

**Risiko:** *Kombinasi tahap kemungkinan dan tahap kesan akibat berlakunya sesuatu bahaya (hazard) atau kejadian*

## 3.0 TATACARA PENUBUHAN

### 3.1 Mengenalpasti bahaya dan risiko

Pengetua /Guru Besar dengan bantuan HSSE Representative perlu mengenalpasti akan bahaya-bahaya (hazards) yang mungkin ada di semua kawasan dan persekitaran sekolah. Bahaya-bahaya yang mungkin timbul boleh berpunca dari beberapa faktor dan dikategorikan kepada 3 iaitu;

#### 1. Infrastruktur

Infrastruktur merangkumi bangunan, jalanraya, pagar, longkang, padang sekolah dan apa jua infrastruktur–infrastruktur lain yang ada di dalam kawalan sekolah dan Kementerian Pendidikan (Gazette). Lazimnya keadaan infrastruktur-infrastruktur tersebut

#### 2. Peralatan (Equipments)

Ini merangkumi peralatan pembelajaran seperti mesin pertukangan kayu, makmal sains, bilik komputer (ICT) dan juga peralatan-peralatan operasi sekolah seperti mesin rumput, rumah elektrik, chiller dan seumpamanya.

#### 3. Aktiviti

Aktiviti termasuk acara sukan dan olahraga, lawatan sambil belajar dan juga aktiviti-aktiviti operasi sekolah yang lain seperti program kebersihan, permakanan dan yang seumpamanya.

### 3.2 Mengenalpasti pakar

Pakar yang dimaksudkan adalah individu-individu yang boleh dikategorikan mempunyai salah satu atau kombinasi ciri-ciri yang dinyatakan dibawah;

1. Kerap kali berurusan dan terdedah kepada bahaya-bahaya (Hazards) yang telah dikenalpasti di dalam **perkara 3.1**
2. Mempunyai bidangkuasa dalam pengawalan risiko yang timbul dari perkara-perkara di dalam **perkara 3.1** misalnya 'Head of Science' dalam pengawalan bahan-bahan kimia, 'Head of Woodwork' dalam pengendalian mesin-mesin pertukangan kayu, 'Head of Maintenance' dalam operasi dan pengendalian mesin pemotong rumput, 'Head of School's cleanliness' dalam pengendalian isu-isu kebersihan di sekolah dan sebagainya.
3. Mempunyai tahap pengetahuan yang cukup baik untuk mengendalikan isu-isu yang mungkin timbul dari perkara-perkara yang dinyatakan di dalam **perkara 3.1**
4. Telah dilantik oleh Pengetua / Guru Besar dalam pengurusan hal-hal yang dinyatakan di dalam **perkara 3.1**.

### 3.4 Pelantikan ahli jawatankuasa & terma rujukan

Setelah pakar dikenalpasti, ahli jawatankuasa akan dilantik mengikut terma rujukan dan tugas masing-masing. Contohnya;

Bil.	Nama / Peranan	Terma Rujukan
1	<b>[Nama] / Pengerusi</b> (lazimnya Pengetua / Guru Besar)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Bertanggungjawab dalam pengurusan semua aspek yang berkaitan dengan Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan &amp; Alam Sekitar</li><li>- Membuat keputusan bagi sebarang cadangan pembaikan yang disarankan oleh ahli jawatankuasa</li><li>- Menghadapkan sebarang isu HSSE yang tidak dapat diselesaikan dalam mesyuarat Jawatankuasa kepada agensi-agensi yang berkenaan</li></ul>
2	<b>[Nama] / Setiausaha</b> (lazimnya Timbalan Pengetua / Penolong Guru Besar)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Membantu Pengetua / Guru Besar dalam tugas sebagai Pengerusi yang dinyatakan di atas</li><li>- Menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa HSSE (HHSE Committee)</li></ul>
3	<b>[Nama] / HSSE Representative</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Berperanan sebagai pakar rujukan dalam aspek-aspek Kesihatan, Keselamatan, Kawalan Keselamatan &amp; Alam Sekitar (HSSE)</li><li>- Bekerjasama dengan Pengerusi dalam penyediaan Polisi HSSE sekolah</li><li>- Menyelaras dengan ahli-ahli lain dalam pembentukan Polisi HSSE sekolah</li><li>- Membantu Pengerusi dan Setiausaha dalam pengendalian operasi Jawatankuasa HSSE</li><li>- Memberi tunjuk ajar kepada ahli-ahli lain dalam melaksanakan penilaian risiko keatas perkara-perkara di bawah jagaan ahli-ahli berkenaan</li><li>- Memberi nasihat kepada ahli-ahli yang lain dalam hal-hal HSSE yang mungkin timbul</li></ul>

<b>Bil.</b>	<b>Nama / Peranan</b>	<b>Terma Rujukan</b>
4	<b>[Nama] / Ketua Kebersihan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanggungjawab dalam pengendalian isu-isu kebersihan sekolah</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu kebersihan sekolah</li> </ul>
5	<b>[Nama] / Ketua Pengawas Bangunan (Infrastruktur)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan semua infrastruktur sekolah yang mempunyai risiko adalah berada didalam tahap minima dan sentiasa terkawal</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu keselamatan infrastruktur sekolah</li> </ul>
6	<b>[Nama] / Ketua Keselamatan &amp; Kawalan Keselamatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanggungjawab dalam memastikan semua peralatan yang berhubungkait dengan keselamatan sentiasa tersedia dan berfungsi seperti sistem 'fire alarm', alat pemadam api &amp; sebagainya.</li> <li>- Bertanggungjawab dan bekerjasama dengan Pengawal Keselamatan (Security) dalam memastikan aspek kawalan keselamatan sekolah sentiasa terjaga, seperti kunci, pagar dan fasiliti yang memadai.</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu keselamatan dan kawalan keselamatan sekolah</li> </ul>
7	<b>[Nama] / ketua Kesihatan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan semua fasiliti dan peralatan rawatan awal dalam keadaan sempurna dan tersedia seperti sick bay, first aid kit dan sebagainya</li> <li>- Bekerjasama dengan Bahagian Permakanan &amp; Asrama dalam penyediaan makanan yang sihat kepada kakitangan dan pelajar-pelajar</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu kesihatan sekolah</li> </ul>
8	<b>[Nama] / Ketua Aktiviti Luar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberi nasihat kepada sebarang cadangan aktiviti luar dalam aspek kesihatan dan keselamatan peserta.</li> <li>- Memberi tunjuk ajar kepada guru-guru dalam penilaian risiko bagi aktiviti-aktiviti yang dicadangkan sebelum menghadapkan kepada Pengetua / Guru Besar untuk persetujuan dan proses seterusnya.</li> </ul>
9	<b>[Nama] / Ketua Pemeliharaan Alam Sekitar</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran sekolah yang bersih, selamat dan terpelihara</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu pemeliharaan persekitaran sekolah</li> </ul>
9	<b>[Nama] / Ketua Sains</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanggungjawab dalam memastikan pengendalian bahan kimia dari pembelian, penggunaan dan penghapusan dilaksanakan dengan selamat mengikut piawaian dan peraturan-peraturan antarabangsa dan amalan-amalan terbaik.</li> <li>- Memberi cadangan pembaikan kepada Pengerusi dalam isu-isu keselamatan makmal sekolah</li> </ul>
10	<b>[Nama] / Wakil PIBG</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan cadangan pembaikan dalam aspek HSSE di sekolah</li> <li>- Menyokong dan bekerjasama dengan ahli yang lain bagi sebarang inisiatif yang melibatkan ibu-bapa</li> <li>- Menyampaikan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan aspek HSSE kepada para ibu-bapa dan penjaga.</li> </ul>

Pelantikan pakar tidak semestinya terhad kepada dalaman sahaja. Peranan jawatankuasa Bilangan 10 misalnya mungkin diperlukan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan,

keselamatan dan kesejahteraan pelajar-pelajar dari pandangan ibu-bapa sebagai 'stakeholder' untuk memastikan tidak ada aspek HSSE yang terlepas pandang.

Peranan-peranan didalam contoh yang diberikan dari bilangan 4 dan seterusnya boleh dipegang oleh seorang ahli sahaja misalnya peranan dalam Bilangan 5 dan 6 dan 9 boleh dipegang oleh satu (1) ahli mengikut keadaan, saiz, aktiviti dan keperluan sekolah.

#### **2.4 Penyediaan 'Modus Operandi'**

Sebelum pelantikan rasmi melalui persuratan diserahkan kepada ahli, 'modus' operandi' Jawatankuasa HSSE (HSSE Committee) hendaklah dibentuk dan ditetapkan. Perkara-perkara yang perlu dinyatakan didalam 'Modus Operandi' termasuk (tetapi tidak terhad kepada);

1. Kekerapan mesyuarat - Adalah disyorkan mesyuarat Jawatankuasa HSSE diadakan sebulan sekali. Bagi mesyuarat pertama (kick-off meeting), Pengerusi hendaklah menyatakan dengan jelas mengenai peranan-peranan ahli dalam Jawatankuasa HSSE di sekolah berkenaan.
2. Agenda – Agenda yang perlu dibincangkan didalam setiap mesyuarat termasuk; laporan dari ahli-ahli mengenai isu-isu yang berbangkit didalam perkara-perkara dibawah jagaan masing-masing, sebarang inisiatif dan cadangan-cadangan pembaikan, status tindakan dari mesyuarat yang lepas dan lain-lain hal yang penting.

#### **2.5 Mengenalpasti keperluan Latihan & Kursus**

Adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa HSSE untuk mengenalpasti sebarang keperluan latihan atau kursus yang diperlukan bagi warga sekolah seperti First Aider, Fire Marshall dan HSSE Representative.

Jika ada HSSE Representative yang sudah mengikuti kursus 'HSSE Representative' bagi sekolah berkenaan, adalah dijangkakan bagi mereka untuk menyampaikan maklumat dan memberi tunjuk ajar yang perlu kepada ahli-ahli yang lain dalam perkara-perkara berikut;

1. Perundangan mengenai aspek Kesihatan & Keselamatan di tempat kerja seperti WSHO 2009 dan FSA 2016 (Fire Safety Act)
2. Teknik dan proses penilaian risiko dan format laporan
3. Standard Operating Procedure (SOP's) yang telah disediakan oleh BHSSE Kementerian Pendidikan

- TAMAT -